

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD  
[PARIT SULONG – BN]**

**SOALAN (NO. 106)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kewajaran setiap organisasi di dalam setiap bidang sukan diberikan KPI tertentu untuk dicapai dalam suatu tempoh yang ditetapkan dan sekiranya KPI tersebut tidak dicapai dalam tempoh tersebut, maka pihak pengurusan tersebut perlu merombak semula semua ahli jawatankuasa tertinggi.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menerima baik cadangan yang telah diberikan dan dalam usaha memastikan tahap profesionalisme pengurusan badan sukan dapat dipertingkatkan, KBS dari semasa ke semasa telah melaksanakan pelbagai program yang melibatkan pemegang-pemegang jawatan utama badan sukan. Program-program tersebut bukan sahaja tertumpu kepada badan sukan peringkat kebangsaan dan negeri, malah turut melibatkan badan sukan di peringkat daerah dan kelab. Antara program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti Kursus Pengurusan Badan Sukan, Kursus Kepimpinan Badan Sukan, Bengkel Pengurusan Kewangan, Program Naziran dan Pemantauan Badan Sukan dan Program *Star Rating* Badan Sukan Kebangsaan.
2. Walau bagaimanapun, dalam usaha untuk membantu menangani isu-isu badan sukan, KBS kadangkala terpaksa mengambil tindakan tegas terhadap sesebuah badan sukan yang mengalami masalah dalaman yang berpanjangan seperti tindakan penggantungan atau pembatalan pendaftaran selaras dengan Seksyen 20 Akta Pembangunan Sukan 1997. Sebagaimana tindakan yang telah diambil ke atas Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) menjadi contoh bahawa KBS serius dalam menjaga kepentingan awam khususnya apabila melibatkan peruntukan dana daripada pihak Kerajaan.

## **SULIT**

3. Sungguhpun begitu, KBS tetap perlu berhati-hati dalam mengambil tindakan yang melibatkan aspek perundangan kerana setiap badan sukan tertakluk kepada peruntukan perlembagaannya sendiri dan di bawah bidang kuasa badan sukan di peringkat antarabangsa. Bidang kuasa Kementerian hanya berdasarkan peruntukan sedia ada di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 dan tidak boleh dilihat sebagai "*government interference*" yang akan bertentangan dengan prinsip yang telah ditetapkan di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.